

PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM MENGUNAKAN ALAT BERFIKIR CoRT 1

ZULQUARNAIN BIN ALI
IPG KAMPUS TENGGU AMPUAN AFZAN, KUALA LIPIS, PAHANG

PENDAHULUAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah yang mengurniakan ilmu kepada Rasulullah pembawa rahmat ke sekalian alam.

Proses pengajaran dan pembelajaran hari ini perlu kepada pelbagai pembaharuan dari masa ke semasa. Dalam era globalisasi ini Guru-Guru Pendidikan Islam perlu berani melakukan pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Teknik dan kaedah pedagogi perlu dikuasai dan diperkembangkan bagi memenuhi tuntutan cabaran yang mendatang dalam dunia pendidikan terkini.

Lantaran itu, saya mengambil langkah ke hadapan dengan cuba mengketengahkan panduan pengajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan **alat kemahiran berfikir**. Alat ini diperkenalkan oleh tokoh pemikir dunia Edward De Bono. Walaupun ilmu ini diperkembangkan oleh orang bukan Islam, tetapi sesuatu yang baik perlu diterima dan dipraktikkan untuk kebaikan bersama.

Satu contoh panduan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan alat kemahiran berfikir telah disediakan. Panduan ini diharap dapat membantu guru-guru pendidikan Islam mempelbagaikan kaedah pedagogi untuk melahirkan P&P yang berkesan dan menarik.


PENGENALAN

Kemahiran Berfikir menggunakan Alat CoRT 1 diperkenalkan oleh Edward De Bono. Beliau dilahirkan di Malta, sebuah negara kepulauan di Laut Mediterranean. Beliau berkelulusan D.Phil. Perubatan dari Universiti Oxford serta Ph.D dari Universiti Cambridge.

Program CoRT juga dikenali sebagai Cognitive Research Trust mengandungi 6 bahagian CoRT, iaitu;

1. CoRT 1 : keluasan persepsi.
2. CoRT 2 : organisasi proses berfikir.
3. CoRT 3 : interaksi, argumen, pemikiran kritis.
4. CoRT 4 : pemikiran kreatif.
5. CoRT 5 : maklumat dan perasaan.
6. CoRT 6 : tindakan.

Panduan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan alat kemahiran berfikir ini telah disediakan dengan menggunakan CoRT 1. Terdapat tujuh teknik asas dan teknik panduan bagi CoRT 1.



Rajah 1. Tujuh Teknik Asas dan Tiga Teknik Paduan CoRT 1 (Keluasan Persepsi)

HURAIAN ALAT BERFIKIR (Tujuh Teknik Asas CoRT 1)

Bil.	Komponen CoRT 1	Tujuan Berfikir	Kaedah & Langkah	Contoh Tajuk Perbincangan
01.	PMI <i>Plus, Minus, Interesting.</i> (Baik, Buruk, Menarik.)	Meluaskan fikiran tentang sesuatu situasi. Elakkan reaksi beremosi. Mengembangkan idea.	P : senaraikan semua yang baik. M : senaraikan semua yang buruk. I : senaraikan semua yang menarik. Apakah keputusan atau penilaian tentang tajuk yang dikaji?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Komputer menggantikan guru dalam sekolah. 2. Arak boleh digunakan untuk tujuan perubahan. 3. Membaca al-Quran dengan menggunakan tulisan rumi.
02.	CAF <i>Consider All Factors</i> (Ambil kira semua faktor)	Meninjau semua aspek situasi dengan lengkap dan menyeluruh. Elakkan terlupa faktor yang penting.	Senaraikan semua faktor yang berkaitan. Pertimbangkan setiap faktor. Apakah keputusan selepas pertimbangan sewajar dibuat?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah hadiah yang sesuai untuk hari guru anda? 2. Apakah kegiatan dakwah yang anda ingin ikuti?

Bil.	Komponen CoRT 1	Tujuan Berfikir	Kaedah & Langkah	Contoh Tajuk Perbincangan
03.	C&S <i>Consequence and sequel</i> Kesan dan akibat dari kesan	Menjangka apa yang akan berlaku selepas sesuatu cadangan dijalankan. Meramal kesan dan akibat bagi keputusan tersebut.	- Apakah cadangan berkenaan boleh berjaya? - Apakah risiko yang mungkin dihadapi? - Apakah kesan serta merta, jangka panjang dan pendek? - Adakah cadangan berkenaan baik?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Belajar al-Quran dengan tulisan rumi. 2. Melakukan solat dengan meninggalkan semua perkara sunat. 3. Menceraikan terus isteri yang nusyuz.
04.	AGO <i>Aims, Goals, Objectives.</i> (Tujuan, matlamat, objektif)	Sentiasa menumpukan perhatian terhadap tujuan asal supaya matlamat tercapai. Elakkan perkara yang tidak berkenaan.	Apakah AGO rancangan? Adakah tindakan terkeluar daripada AGO? Bagaimana pastikan AGO dapat dicapai?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Apakah AGO hidup anda? 2. Apakah AGO ibadah dalam Islam? 3. Apakah AGO diharamkan meminum arak?
05.	FIP <i>First important prioriti</i> Perkara paling penting diutamakan	Mengambil kira perkara-perkara yang penting. Menentukan prioriti. Elakkan perkara yang tidak patut diutamakan	Apakah perkara-perkara yang penting? Antara perkara-perkara ini yang mana paling penting? Apakah prioriti yang diperlukan tindakan segera?	<ol style="list-style-type: none"> 1. FIP semasa memilih pasangan hidup. 2. Apakah strategi pembelajaran Pendidikan Islam yang paling baik? 3. Apakah kaedah menghafaz ayat hafazan yang paling mudah?
06.	APC <i>Alternatives, Possibilities, Choices.</i>	Memikirkan beberapa perkara dengan serentak. Menentukan pilihan yang terbaik. Elakkan pemikiran sehala sahaja.	Apakah cara-cara yang berlainan untuk menyelesaikan masalah ini? Apakah baik buruk cadangan tadi? Manakah cadangan yang paling baik.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bagaimana memilih pemimpin sedangkan calonnya ramai. 2. Peperiksaan dihapuskan. Cari APC.

Bil.	Komponen CoRT 1	Tujuan Berfikir	Kaedah & Langkah	Contoh Tajuk Perbincangan
07.	OPV <i>Other People's Views</i>	Mengambil kira pandangan orang lain sebelum membuat keputusan. Elakkan membuat keputusan yang terlalu memfokuskan diri.	Apakah idea diri sendiri akan mempengaruhi orang lain? Bagaimana orang lain memandang idea anda? Adakah idea anda bernas dan harus dijadikan tindakan?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ibu bapa wajib menghalang anak remajanya keluar rumah selepas jam 9 malam. 2. Mat Rempit wajib dikenakan hukuman penjara 20 tahun mandotari. 3. Penjualan rokok wajib diharamkan di Malaysia.

Penguasaan murid dalam kemahiran berfikir (KB) menjadi lebih berkesan melalui penggunaan alat berfikir yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran. Alat berfikir yang biasa digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah penyusun grafik, soalan dan penyoalan, serta peta minda. Penggunaan alat berfikir CoRT1 dalam mata pelajaran Pendidikan Islam masih belum meluas. Cadangan penggunaan alat berfikir CoRT1 dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam boleh diaplikasikan sebagai salah alternatif untuk mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran murid. Berikut dikemukakan panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan alat berfikir CoRT1.

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN DENGAN MENGUNAKAN ALAT BERFIKIR CoRT1.

TAHUN : Tiga
MATA PELAJARAN : Pendidikan Islam
MASA : 60 minit

STANDARD KANDUNGAN : 3.1.1 Memahami dan menyakini konsep beriman kepada qadha dan qadar.

STANDARD PEMBELAJARAN : 3.1.1.5 Menyenaraikan akibat tidak beriman kepada qadha dan qadar

PENGETAHUAN

SEDIA ADA : 1. Pelajar sudah mengetahui enam rukun iman.

PEDAGOGI P&P : 1. Pembelajaran Kerjasama (cooprative learning)
2. Pembelajaran Konstruktivisme
3. Pembelajaran Kajian Masa Depan

ALAT BERFIKIR : AGO, dan C&S

BAHAN BANTU MENGAJAR :

1. Gambar.
2. Grafik carta maklumat.
3. Kertas edaran.

BUKU RUJUKAN :

1. Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2003), *Belajar berfikir* : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., Kuala.Lumpur.
2. Ainon Mohd & Abdullah Hassan (1999), *Menyelesaikan masalah secara kreatif* , : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Objektif Kemahiran Berfikir :

Di akhir pengajaran dan pembelajaran murid dapat :

1. Mengenal pasti matlamat dan objektif yang hendak dicapai dengan menggunakan AGO.
2. Mengenal pasti akibat tidak beriman kepada qadha dan qadar dengan menggunakan C & S.
3. Menggunakan C & S sebelum membuat keputusan atau tindakan.

**LANGKAH-LANGKAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
SET INDUKSI (5 minit) :**

1. Guru memaparkan gambar-gambar berkaitan qadha dan qadar dalam kehidupan seharian.
2. Murid diminta memberikan pandangan berhubung dengan kad atau gambar tersebut.
3. Guru mengaitkan gambar tersebut dan pandangan murid dengan pelajaran hari ini.

PERKEMBANGAN LANGKAH PERTAMA (20 minit) :

1. Guru melaksanakan proses P&P mengikut Stratgi P&P yang dirancang.

PERKEMBANGAN : LANGKAH KEDUA (20 minit) :

ILMU (KOGNITIF)	KEMAHIRAN BERFIKIR
<p>1. Guru membahagikan pelajar kepada kumpulan perbincangan untuk menyelesaikan masalah berikut ;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>“Anda telah ditimpa musibah kemalangan jalanraya. Apakah perasaan anda terhadap peristiwa ini?”</i> 2. <i>“Anda mencapai 5A dalam peperiksaan UPSR. Apakah perasaan anda terhadap peristiwa ini?”</i> 3. <i>Apakah hubungan perasaan anda dalam dua peristiwa tersebut dengan keimanan kepada qadha dan qadar?</i> <p>Bincangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut dengan menggunakan alat kemahiran berfikir.</p>	<p>AGO :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyoal murid, apakah matlamat yang hendak dicapai ? 2. Murid menjawab ; matlamat yang hendak dicapai ialah untuk mengesan akibat tidak beriman dengan qadha dan qadar. <p>C & S :</p> <p>Guru meminta murid menyatakan akibat tidak beriman dengan qadha dan qadar.</p> <p>Persoalan yang dikemukakan ialah :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kenapakah umat Islam wajib beriman dengan qadha dan qadar? 2. Apakah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam beriman kepada qadha dan qadar? 3. Apakah akibat tidak beriman dengan qadha dan qadar? 4. Bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah tidak beriman dengan qadha dan qadar? <p>Murid secara kumpulan menjawab persoalan tersebut dan membentangkannya dalam kelas.</p>

PERKEMBANGAN : LANGKAH 3 (15 minit) :

PENILAIAN (10 minit) :

Guru secara lisan menilai kemampuan murid menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan menggunakan alat berfikir terhadap perbincangan tajuk “Beriman Kepada Qadha dan Qadar”.

RUMUSAN (5 minit) :

1. Guru merumuskan objektif pembelajaran hari ini adakah telah tercapai atau tidak.
2. Guru menyarankan murid mengambil pengajaran dan iktibar terhadap apa yang telah dipelajari pada hari ini.

TUGASAN :

Murid diberi tugas kerja rumah :

1. Menyediakan nota terhadap tajuk yang dibincangkan dalam bentuk peta minda.

ULASAN KENDIRI :

Isu Yang Diperhatikan :

1. Adakah objektif pembelajaran murid telah tercapai ?
2. Adakah murid mampu menggunakan alat berfikir untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan ?
3. Adakah kaedah pengajaran yang digunakan sesuai dan berkesan?

Cadangan :

Setiap persoalan yang telah dikemukakan pada bahagian “**Isu Yang Diperhatikan**” , jika ianya mendatangkan kesan positif hendaklah diteruskan dan diperkukuhkan. Jika ianya membawa kesan negatif hendaklah diperbaiki dan diperbetulkan. Perlu ada tindakan susukan

*****88888888888888*****